

# Pemikiran bangsa Malaysia

U.M 16/08/07 M/s 11

Oleh DR. NOVANDRI HASAN BASRI

**PADA** 31 Ogos 1957, bertempat di Stadium Merdeka, Tunku Abdul Rahman telah membacakan Perisytiharan Kemerdekaan. Antaranya Almarhum menyebut: "... Maka dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Mengasih, saya memasyhurkan dan mengisytiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa 31 Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu..... akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kesetiaan rakyat."

Sejak dari mulanya penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, kita amat mementingkan aspek kebebasan, keadilan, kesejahteraan dan kesamarataan di antara rakyat. Hari Kemerdekaan ke-50 ini adalah masa yang terbaik untuk kita merenung sejenak kepada aspek-aspek tersebut. Realitinya, ia hanya dapat berlaku jika atmosfera negara berada dalam stabil dan rakyatnya bersatu padu, aman dan tenteram.

Perpaduan nasional adalah satu budaya murni untuk mewujudkan nilai-nilai kemersaan dan hormat-menghormati sesama kaum. Kita ingin menghapuskan rasa kekok, buruk sangka, ekstremisme dan segala perkara negatif yang mampu membinasakan keharmonian sesama sendiri.

Usaha perpaduan nasional mesti dilakukan secara berterusan dan pragmatik agar tercapai dalam satu rangka masa yang praktikal dan rasional. Realitinya, perpaduan nasional adalah satu sikap positif yang perlu dipunyai oleh setiap bangsa Malaysia.



**SEBAHAGIAN** pelajar baru universiti awam yang mengenakan pakaian tradisi kaum masing-masing menggenggam tangan bersama sebagai simbol perpaduan dalam program Gegar U.

— Gambar hiasan

**Usaha perpaduan nasional mesti dilakukan secara berterusan dan pragmatik agar tercapai dalam satu rangka masa yang praktikal dan rasional. Realitinya, perpaduan nasional adalah satu sikap positif yang perlu dipunyai oleh setiap bangsa Malaysia**

## Perpaduan

Bagaimanapun, perancangan dan usaha untuk mewujudkan kefahaman yang tulen mengenai perpaduan nasional mesti melibatkan semua lapisan kaum.

Kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersama-sama menjayakan usaha perpaduan nasional ini dengan lebih bersungguh-sungguh dan ikhlas, disertai dengan anjakan paradigma pemikiran dan pemahaman semua kaum mengenai semangat perpaduan itu sendiri.

Untuk merealisasikan anjakan paradigma pemikiran dan pemahaman mengenai semangat perpaduan ini, kita perlu berlandaskan kepada satu sumber yang sangat penting iaitu ilmu. Ilmu sangat berguna untuk mencelikkan mata dan minda.

Tanpa ilmu yang cukup, kita akan sangat terpengaruh dan cepat hilang sabar. Lebih-lebih lagi di zaman siber hari ini di mana terdapat anasir-anasir jahat yang sengaja mengganggu domba kesejahteraan rakyat Malaysia. Realitinya, tanpa ilmu dan pegangan, kita boleh hilang pertimbangan dan tindak balas kita mungkin bersifat perkauman yang ekstrem.

Peribahasa Cina ada mengatakan, 'jika

anda bersabar seperti semasa berada dalam keadaan marah, anda akan terselamat daripada kesedihan yang berpanjangan'.

Persoalannya sekarang, apakah ilmu-ilmu yang diperlukan untuk meningkatkan lagi perpaduan nasional?

Yang terpenting ialah ilmu keagamaan. Ilmu yang begitu asas ini perlu ditingkatkan, demi merasionalkan pertimbangan akal seluruh rakyat. Perpaduan nasional juga mesti berteraskan kepada pengertian mendalam mengenai kronologi sejarah negara, pengetahuan am dan doktrin kenegaraan seperti undang-undang dan Perlembagaan negara.

Untuk memahaminya, dokumen-dokumen penting ini mesti senang didapati supaya dapat ditelaah oleh seluruh lapisan masyarakat pada bila-bila masa.

Oleh itu, dokumen-dokumen kenegaraan yang relevan ini mesti difahami oleh setiap keluarga di Malaysia. Dengan memahami dokumen-dokumen ini, rakyat akan lebih arif tentang hak-hak, limitasi dan tanggungjawab mereka. Secara tidak langsung, ilmu ini akan menimbulkan rasa hormat sesama kaum dan kita akan lebih mematuhi undang-undang negara.

Bagaimanapun, penerapan nilai-nilai perpaduan nasional tidak akan berhasil

jika teori ilmu ini tidak disertakan dengan langkah-langkah pelaksanaan yang praktikal dan difahami oleh semua kaum. Pengertian ilmu ini mesti disertakan dengan keserasian di antara individu-individu yang berlainan kaum.

Bak kata pepatah, 'tak kenal maka tak cinta'. Pokoknya, kemesraan dan perasaan hormat-menghormati hanya akan wujud jika individu-individu yang berlainan kaum dapat serasi dan berupaya mendalami perasaan masing-masing.

Persoalannya sekarang, jika masing-masing terlalu sibuk dan tiada masa yang cukup untuk berinteraksi dalam erti kata sebenar, apakah nilai-nilai perpaduan nasional yang tulen dapat ditanam kukuh di hati dan jiwa kita? Apakah program-program perpaduan akan mendapat penyertaan 100 peratus rakyat ini? Jawapannya begitu kabur sekali!

Oleh kerana limitasi-limitasi tersebut, ilmu-ilmu dan keserasian di antara kaum perlu ditekankan kepada masyarakat yang boleh dibentuk pemikirannya dan dalam satu institusi yang terkawal iaitu pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian yang lain.

Di dalam persekolahan ini, masa 'berhubungan' sesama pelajar yang berlainan


kaum menjadi sangat signifikan dan ini mampu mencetuskan satu 'reaksi rantaian' yang biasanya begitu positif. Disebabkan reaksi positif ini, kemesraan dan keakraban dapat ditanam kukuh di dalam perwatakan pelajar-pelajar.

Seterusnya, perwatakan inilah yang bakal ditonjolkan di dalam institusi masyarakat dewasa kelak. Ketika itu, pengertian nilai-nilai perpaduan nasional menjadi sesuatu yang begitu lumrah dan spontan. Bak kata pepatah, 'melentur buluh, biar dari rebungnya'.

Permasalahan timbul apabila generasi muda ini telah dipisahkan sesama sendiri dengan perbezaan sistem persekolahan. Malah perbezaan peratusan kaum-kaum di sesebuah kawasan perumahan yang berlaku sekarang turut mewujudkan suasana 'tidak mesra' sesama kaum akibat masa berhubung yang terlalu sedikit.

Perpaduan nasional sangat perlu bagi rakyat. Lebih-lebih lagi di era globalisasi dan tanpa sempadan ini di mana pergantungan dan keakraban sesama kaum di negara akan diuji dengan bertubi-tubi. Ketika itu, hanya perpaduan nasional yang dapat mengekalkan ikatan sesama kita sebagai satu bangsa Malaysia yang merdeka dan berdaulat!

## Antara Dua Zaman



**DULU** PERSEKITARAN kawasan Pantai Kelawai (sekarang Persiaran Gurney) kurun ke-19 di George Town, Pulau Pinang.



**KINI** PERSEKITARAN kawasan Persiaran Gurney (dahulu dikenali sebagai Pantai Kelawai) yang dimajukan.

- Gambar MOHD. NAIM AZIZ